



**AKSI-aksi tarian Tang Sook Kuan yang berjaya mencuri tumpuan pada pertandingan itu.**

# Tutor UMS curi tumpuan pada **World Championship of Performing Arts**

UB 26.07.2012 B20

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) meneruskan kecemerlangan melalui pelbagai pencapaian memberangsangkan dalam pelbagai bidang.

Terbaru, UMS melalui tutor program tarian

Sekolah Pengajian Seni, Tang Sook Kuan, meraih lapan pingat dan dua anugerah dalam pertandingan World Championship of Performing Arts 2012 di Hollywood, California,

Amerika Syarikat.

Kesemua pingat diperoleh melalui lima acara yang disertai termasuk dua pingat emas dalam tarian duet untuk kategori etnik dan tarian terbuka. Tang telah memberi aksi tarian

yang memukau sekaligus menewaskan peserta daripada 40 buah negara untuk dinobatkan sebagai juara bagi kedua-dua kategori terbabit.

Lima pingat perak pula diperoleh melalui tarian

lirikai duet, tarian solo etnik, tarian solo teater muzikal, jazz solo dan tarian solo terbuka. Pingat selebihnya adalah pingat gangsa yang diraih melalui persembahan tarian lirikai solo sekaligus melengkapkan

lapan jumlah pingat kesemuanya.

Terdahulu, Tang telah mempersembahkan aksi tarian yang berprestij pada sesi ujian di Kuala Lumpur untuk menyertai rombongan peserta Malaysia.

Kepercayaan itu tidak disia-siakan apabila beliau berjaya mengharumkan nama negara pada pertandingan itu yang diiktiraf sebagai setaraf Sukan Olimpik untuk para seniman sedunia.